

# Segerakan pelaksanaan usia persaraan 56 tahun — Rahman

UM 27 MAR 2001

KUALA LUMPUR 26 Mac — Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) meminta kerajaan melaksanakan keputusan melanjutkan usia persaraan kakitangan awam kepada 56 tahun secepat mungkin.

Setiausaha Agung CUEPACS, Abd. Rahman Manan berkata, meskipun pihaknya memahami bahawa kerajaan terpaksa melalui beberapa prosedur tetapi berharap ia akan dikuatkuasakan segera demi kepentingan kakitangan awam.

Kata beliau, keputusan itu merupakan salah satu resolusi yang dicapai pada mesyuarat Majlis Kongres CUEPACS di sini, semalam.

“Dalam resolusi itu, Majlis Kongres juga mengambil keputusan menghargai dan menyambut baik kelulusan

awal Perdana Menteri (Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad) mengenai keputusan berkenaan.

“Rata-rata ahli Majlis Kongres menyambut baik keputusan ini berdasarkan aspek taraf kesihatan yang semakin baik dan aliran keluar tenaga kerja mahir,” kata beliau kepada *Utusan* ketika dihubungi petang ini.

*Utusan* difahamkan kerajaan akan melaksanakan keputusan itu pada suku keempat tahun ini.

Keputusan kerajaan mengenai perkara itu dinyatakan oleh Dr. Mahathir ketika menemui wakil CUEPACS pada pertemuan 14 Mac lalu.

Perubahan had usia persaraan itu yang merupakan susulan daripada permintaan CUEPACS supaya kakitangan awam dibenarkan berkhidmat sehingga 58 tahun, akan dilaksanakan secara percubaan.

Mengulas lanjut, Abd. Rahman berkata, ahli-ahli Majlis Kongres berpendapat bahawa keputusan tersebut akan membantu keluarga kakitangan berpendapatan rendah.

“Di samping itu, kongres menyedari masalah pengangguran jika usia persaraan dilanjutkan kerana peluang bagi kakitangan baru masuk berkhidmat akan terhad.

“Tetapi ini cuma masalah sementara sahaja,” katanya.

Di peringkat awal, jelas beliau, kerajaan seharusnya memberi pilihan kepada kakitangan awam sama ada untuk bersara pada usia 55 tahun ataupun berkhidmat sehingga 56 tahun.

“Ini boleh dilaksanakan untuk tempoh sementara satu dua tahun,” kata beliau.